

Sistem meritokrasi kekal

MAY 20 2002

Oleh ZULKIFLI JALIL

SHAH ALAM 19 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak akan mengubah pendiriannya dalam pelaksanaan sistem meritokrasi hanya disebabkan peningkatan mendadak kemasukan pelajar bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Sebaliknya, tegas Perdana Menteri, beliau mahu mereka yang mempertikaikan kewajaran pelaksanaannya supaya memeriksa balik punca kemerosotan pelajar bukan bumiputera memasuki IPTA tahun ini.

Menurutnya, salah satu sebabnya ialah pelajar Cina dan India kurang menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang menjadi keutamaan sistem itu, berbanding pelajar bumiputera.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan bahawa kerajaan akan mengkaji keberkesanan sistem itu dari semasa ke semasa.

Kredibiliti

“Kita telah berjanji menggunakan meritokrasi untuk kemasukan pelajar ke IPTA dan kita tidak mungkin mengubah keputusan ini apabila mendapati kemasukan bumiputera lebih banyak.

“Kalau kita ubah, kita tidak mempunyai kredibiliti tetapi saya yakin tahun depan sudah tentu pelajar Cina dan India akan mengambil STPM dan mereka akan dapat kelulusan lebih tinggi,” katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-56 di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, hari ini.

Perdana Menteri menyatakan pendirian itu sebagai menjawab kebimbangan Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu dalam ucapan dasarnya sebelum itu, mengenai sistem meritokrasi yang didakwa meminggirkan pelajar berketurunan India.

Menurut Samy Vellu, meskipun MIC menyokong sistem itu, parti itu masih merasakan masa pelaksanaannya belum sesuai kerana pelajar India yang mempunyai latar belakang sosioekonomi yang lemah, memerlukan tempoh mempersiapkan diri.

■ Lihat muka 4

Sistem meritokrasi kekal

Katanya, parti itu terkejut kemerosotan ketara dalam pengambilan pelajar India ke universiti awam bagi tahun akademik 2002/2003 yang menurun daripada lapan peratus kepada 4.7 peratus.

“Sejumlah 3,961 pelajar dengan kelayakan STPM memohon untuk memasuki universiti awam. Daripada jumlah itu 2,537 layak diterima masuk tetapi hanya 1,530 pelajar diberikan tempat.

“Pengurangan pengambilan pelajar ini menimbulkan dilema besar di kalangan masyarakat India mengenai masa depan pendidikan tinggi anak mereka,” kata Samy Vellu.

Menurut Dr. Mahathir, pelajar bumiputera sebenarnya adalah golongan yang paling rugi semasa sistem kuota digunakan sebelum ini.

Ini kerana jumlah mereka yang sepatutnya lebih ramai memasuki IPTA tidak tercapai hanya kerana kerajaan berpegang kepada sistem tersebut.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak senang hati dengan pertambahan begitu banyak pelajar bumiputera di IPTA.

“Ini akan menyebabkan universiti tidak mempunyai bilangan pelajar bukan bumiputera yang mencukupi sebab kita mahu melihat penuntut dari semua kaum berada dalam universiti yang sama,” katanya.

Sebaliknya, apa yang berlaku sekarang menyaksikan jumlah pelajar bukan bumiputera meliputi lebih 90 peratus di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Kata beliau, jika dijumlahkan pelajar bumiputera di semua IPTA dan IPTS di negara ini, bilangan bumiputera masih tetap berkurangan berbanding bukan bumiputera.

“Keadaan ini dianggap tidak sihat kerana kita mahu melihat terdapat percampuran penduduk yang mencerminkan kaum-kaum di Malaysia. Saya harap tuan-tuan dan puan-puan bersabar kerana kita sedang mengkaji perkara ini kerana bukan hasrat kerajaan untuk mengurangkan kemasukan pelajar bumiputera. Sama ada tercapai atau tidak, terpuang kepada anak kita sendiri,” katanya.

Dr. Mahathir yang ditemui pemberita kemudian berkata, kerajaan akan mengkaji kemungkinan menggabungkan sistem meritokrasi dan kuota bagi kemasukan pelajar ke IPTA.

Bagaimanapun, beliau menarik perhatian bahawa kerajaan sebenarnya tidak menyangka berlaku peningkatan mendadak pelajar bumiputera memasuki IPTA.

“Jika menurun, tentu yang lain rasa seronok,” ujarnya.

Ditanya sama ada kerajaan akan meneruskan sistem meritokrasi tahun depan, Dr. Mahathir berkata: “Yang jadi masalah bukan meritokrasi, sebaliknya tidak ramai penuntut bukan bumiputera mengambil STPM. Kalau mereka ambil STPM, saya yakin jumlah mereka ke IPTA akan meningkat.”

Perdana Menteri juga berkata, beliau sebenarnya hairan mengapa jumlah pelajar bumiputera yang amat kecil di universiti luar negara terutama di Amerika Syarikat (AS) tidak pula dipersoalkan.

“Terdapat sampai 17,000 penuntut (Malaysia) di AS dan bumiputera cuma 800 orang yang mendapat tajaan kerajaan kerana mereka tidak mampu. Tetapi tak ada yang merungut mengenai perkara itu,” katanya.

Tambah beliau, realitinya peratusan pelajar bumiputera di IPTA dan IPTS tempatan serta luar negara, amat kecil.